

# Kempen PruBSN TotalCare 2023

## (Ditambah baik dan Tempoh Kempen Dilanjutkan)

### Terma dan Syarat

1. Kempen ini ditawarkan oleh Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN"). Melalui penyertaan anda dalam Kempen ini, anda terikat dengan semua terma dan syarat Kempen ini.
2. Tempoh Kempen: 1 Januari 2023 hingga 28 Februari 2023, termasuk kedua-dua tarikh ini.
3. Pelanggan yang Layak hendaklah memberikan butiran nama penuh, nombor kad pengenalan, e-mel, maklumat untuk dihubungi/nombor telefon dan alamat surat-menyerat yang tepat dalam borang cadangan atau PruBSN Touch sebelum 30 April 2023.
4. Syarat Kelayakan Kempen:
  - a. Pelanggan yang Layak adalah Pelanggan yang:
    - Menyertai sijil baharu (Bisnes Baru) **PruBSN AnugerahPlus** (termasuk PruBSN Sinar/PruBSN Damai/Perlindungan Keluarga Besar) yang memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah; dan
    - Menyerahkan borang cadangan kepada PruBSN dari 1 Januari 2023 hingga 28 Februari 2023 (termasuk kedua-dua tarikh ini), dimana sijil tersebut diluluskan dan dikeluarkan selewat-lewatnya pada 15 Mac 2023.
  - b. Sijil hendaklah berkuat kuasa dengan tiada sumbangan tertunggak sehingga 30 April 2023.
  - c. **Kaedah Pembayaran** haruslah dilakukan melalui:
    - Kad Kredit/Debit diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN Touch, atau
    - Debit Terus diikuti dengan pendaftaran dalam talian melalui PruBSN Mobility atau PruBSN TouchKaedah pembayaran pendaftaran dalam talian di atas mestilah dikemaskini sebelum 30 April 2023 dan ianya mesti dikekalkan sehingga hadiah kempen diterima.
5. Hadiah Kempen:  
Setiap Pelanggan yang Layak akan menerima **Kad Touch 'n Go Edisi Khas yang dinaik taraf dengan teknologi NFC berserta kredit pramuat** ("Hadiah") berdasarkan syarat kelayakan sijil seperti jadual di bawah:

Pelan	Syarat Kelayakan Setiap Sijil	Hadiah Setiap Sijil
<b>PruBSN AnugerahPlus (termasuk PruBSN Sinar/ PruBSN Damai<sup>^</sup>/ Perlindungan Keluarga Besar)</b>	<ul style="list-style-type: none"><li>• Jumlah Sumbangan Tahunan Minimum* RM1,800; dan</li><li>• Dilampirkan dengan rider Crisis TotalCare dan/atau rider Medic TotalCare<sup>^</sup></li></ul>	<b>Kad Touch 'n Go Edisi Khas yang dinaik taraf dengan teknologi NFC berserta kredit pramuat RM50</b>

\*Tidak termasuk Takaful Saver

<sup>^</sup>PruBSN Damai dan rider Medic TotalCare tersedia mulai 14 Januari 2023.

6. Pelanggan yang Layak menerima Hadiah akan dimaklumkan melalui SMS yang dihantar kepada nombor telefon pemilik sijil seperti yang dinyatakan dalam borang cadangan atau PruBSN Touch, berdasarkan maklumat terkini yang diperolehi dalam sistem PruBSN.
7. Untuk Pelanggan yang Layak dengan serahan borang cadangan dari 1 Januari 2023 hingga 31 Januari 2023 dan sijil telah diluluskan sebelum 15 Februari 2023, PruBSN akan menyerahkan Hadiah kepada Pelanggan yang Layak mulai 15 Mei 2023 melalui kurier atau ejen perkhidmatan Takaful anda. Untuk Pelanggan yang Layak dengan sijil yang telah diluluskan sebelum 15 Mac 2023, PruBSN akan menyerahkan Hadiah kepada Pelanggan yang Layak mulai 15 Jun 2023 melalui kurier atau ejen perkhidmatan Takaful anda.
8. Kempen ini mengecualikan kes-kes ejen sendiri (di mana ejen adalah pemilik sijil atau orang yang dilindungi dalam pelan tersebut).
9. Pelanggan-pelanggan hendaklah mematuhi undang-undang anti-rasuah dan anti-korupsi yang berkenaan, termasuk *US Foreign Corrupt Practices Act*, *UK Bribery Act*, *Hong Kong Prevention of Bribery Ordinance*, *Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009*, serta peraturan dan panduan yang berkaitan. PruBSN berhak membatalkan penyertaan anda tanpa notis atas kegagalan mematuhi atau pelanggaran undang-undang berhubung dengan penyertaan anda dalam Kempen ini.
10. Semua hak, kepentingan, hak milik dan faedah Hadiah adalah dianggap telah diserahkan kepada Pelanggan yang Layak setelah Hadiah diedarkan oleh PruBSN. Sekiranya Hadiah tersebut dicuri atau hilang atas apa-apa sebab atau dalam sebarang keadaan, tiada penggantian akan dibuat oleh PruBSN.
11. PruBSN tidak memberikan jaminan ke atas kualiti atau perkhidmatan yang berkaitan dengan Hadiah. PruBSN tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan, kerosakan atau kemudarat (sama ada secara fizikal atau mental) yang mungkin dialami oleh Pelanggan yang Layak yang timbul akibat penerimaan dan penggunaan Hadiah.
12. PruBSN boleh menggantikan Hadiah tersebut dengan barang lain yang mempunyai nilai yang setara tanpa memberikan notis terlebih dahulu.
13. Hadiah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kredit atau seumpamanya.
14. Hadiah yang ditawarkan di sini tidak boleh dianggap sebagai perubahan kepada terma dan syarat sijil takaful yang diterima di mana semuanya adalah tertakluk pada pemprosesan standard atau pengunderaitan PruBSN.
15. Keputusan PruBSN terhadap pemberian Hadiah tersebut adalah muktamad dan tertakluk pada terma dan syarat ini, dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
16. Terma dan syarat ini tertakluk kepada undang-undang di Malaysia dan bidangkuasa Mahkamah di Malaysia.
17. Terma dan syarat ini disediakan dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.